

**REAKSI MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL TERHADAP PENYAKIT
BERJANGKIT DI TANAH MELAYU SEBELUM MERDEKA**

***TRADITIONAL MALAY SOCIETY'S RESPONSES TO INFECTIOUS DISEASES IN
PRE-INDEPENDENCE MALAYA***

Wan Nur Izzati Wan Bahari*

Abu Hanifah Haris

**Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA**

***Corresponding Author: wannurizzaticheng@gmail.com**

Received: 12 November 2025; Accepted: 16 June 2026

Abstrak

Pengaruh reaksi penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional di Tanah Melayu didasari oleh dua faktor utama iaitu fizikal dan spiritual. Kaedah mengasingkan pesakit daripada khalayak umum misalnya, telah membuktikan bahawa sejak sebelum kedatangan orang Barat, penduduk tempatan sudah mempunyai inisiatif mengekang jangkitan penyakit secara fizikal. Hal ini bermaksud, masyarakat dahulu tidak bergantung kepada aspek spiritual semata-mata. Oleh itu, penulisan ini berusaha untuk meneliti sejauh mana masyarakat Melayu tradisional menghadapi penyakit berjangkit di Tanah Melayu? Artikel ini mengupas kaedah yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam menangani penyakit berjangkit dengan mengguna pakai metodologi sejarah, melalui kaedah kualitatif yang diterjemahkan dalam bentuk deskriptif-analitik. Kajian menggunakan sumber primer dan sekunder seperti fail *Straits Settlements Original Correspondence & British North Borneo Company: Papers* (CO 273 & C.O. 874), akhbar, majalah, artikel dan buku. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional untuk merawat dan mengekang penularan wabak penyakit berjangkit antaranya mengisolasi pesakit, mengenakan denda kepada individu yang melanggar larangan dan menggunakan air penawar yang dibacakan jampi. Kaedah-kaedah tradisional ini tidak sahaja menjelaskan wujudnya adat resam dan tradisi perubatan masyarakat Melayu malah membuktikan satu pandangan yang jelas bahawa kesedaran awal masyarakat terhadap ancaman penyakit berjangkit telah wujud sejak sekian lama. Dalam pada itu, pelbagai inisiatif telah diusahakan masyarakat tempatan dalam merawat penyakit berjangkit antaranya melalui pengamal perubatan tradisional yang lazimnya dikenali sebagai bomoh.

Kata kunci: Kesedaran, Spiritual, Isolasi, Penawar, Jampi

Abstract

The responses of traditional Malay society to infectious diseases in the Malay Peninsula were shaped by two primary factors which were physical and spiritual. The practice of isolating patients from the general public, for instance, demonstrates that even before the arrival of Western powers, local communities had already developed physical strategies to curb the spread of disease. This indicates that traditional societies did not rely solely on spiritual means.

Accordingly, this paper seeks to examine the extent to which traditional Malay communities confronted infectious diseases in the Malay Peninsula. This article explores the methods employed by the Malays in managing infectious diseases through a historical methodology, using qualitative approaches presented in a descriptive-analytical format. The study draws upon both primary and secondary sources, including Straits Settlements Original Correspondence & British North Borneo Company: Papers (CO 273 & C.O. 874), periodicals, magazines, articles, and books. Findings reveal several techniques used by traditional Malay society to treat and contain the spread of epidemics, such as isolating the sick, imposing fines on individuals who violated prohibitions, and administering healing water imbued with incantations. These traditional methods not only reflect the customs and medical traditions of the Malay community but also affirm a longstanding awareness of the threat posed by infectious diseases. Moreover, various initiatives were undertaken by local communities to treat such illnesses, including the involvement of traditional healers commonly known as bomoh.

Keywords: *Awareness, Spirituality, Isolation, Healing, Incantation*

Pengenalan

Penyakit berjangkit bukanlah fenomena baharu dalam sejarah manusia, malah telah wujud sejak zaman awal peradaban. Tanah Melayu turut mengalami kesan langsung daripada gelombang wabak penyakit berjangkit yang melanda peringkat global. Mengikut takrif *World Health Organization* (WHO), penyakit berjangkit adalah keadaan yang berpunca daripada mikroorganisma seperti bakteria, virus, kulat, atau parasit.¹ Proses ini memungkinkan berlakunya jangkitan antara individu, haiwan, atau persekitaran melalui pelbagai saluran penularan. Penulisan ini berusaha untuk merungkai sejauh manakah masyarakat Melayu beradaptasi dengan penyakit berjangkit dalam era tradisional. Era tradisional dalam perbincangan ini merujuk kepada tempoh sebelum kedatangan British di Tanah Melayu. Tanah Melayu, dalam pemerintahan negara sama ada sebelum atau selepas merdeka, telah banyak bersandarkan pada pemerintahan elit teknokrat sebagai tunjang utama pembinaan negara sehingga mengaburi peranan kumpulan masyarakat kebanyakan. Buktinya, tumpuan isu kesihatan sering kali dikaitkan dengan perkhidmatan perubatan moden yang diperkenalkan oleh British seolah-olah Tanah Melayu adalah ‘ground zero’ yang langsung tidak mempunyai pengetahuan tentang ‘kesihatan’ dan ‘perubatan’.

Dalam satu catatan awal, digambarkan bahawa teras perubatan Melayu adalah berprinsipkan pemeliharaan keseimbangan ‘kuasa’ yang melibatkan empat unsur iaitu air, api, udara dan bumi.² Tradisi perubatan Melayu ini dilihat tidak jauh beza dengan amalan perubatan zaman awal seperti zaman Yunani, Rom dan Ayurvedik sebagai contohnya “... *the Hippocratic ideal of healing ‘the whole man; the Ayurvedic distinction between physical and supernatural causes of illness’*”.³ Persamaan antara tradisi amalan perubatan Melayu dengan zaman awal lain membuktikan bahawa kerangka amalan perawatan Melayu turut menekankan lingkungan keharmonian aspek mental dan fizikal. Hal ini bermaksud, kesihatan tubuh badan tidak dapat berpisah dengan kesihatan minda dan semangat. Penambahan kerangka amalan perawatan Melayu hanya mula bertambah apabila Skeat dan Gimlette melibatkan aspek ‘ghaib’ dalam menyembuhkan penyakit, iaitu dengan mengguna pakai azimat, jampi dan komunikasi dengan roh.⁴

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu membentuk satu lagi dimensi baharu dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu. Kepercayaan dan keyakinan yang sebelum ini disandarkan kepada bomoh semata-mata mula beralih. Tunjang utama perubatan Melayu kemudiannya diletakkan pada rukun iman pertama iaitu percaya kepada Allah. Bomoh yang tergolong dalam kalangan mukmin mula menggunakan al-Quran sebagai panduan utama. Dalam pada itu, dalam al-Quran juga disebutkan secara tidak langsung berkenaan penularan penyakit berjangkit. Antaranya ialah kisah sekumpulan manusia yang melarikan diri daripada kawasan tempat tinggal mereka kerana takutkan wabak, sorotan ayat al-Quran adalah sebagaimana berikut:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِن دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ
أَخْيَلُهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

Mafhumnya: Tidakkah engkau ketahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka: "Matilah kamu" kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurniaNya kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.⁵

Ayat al-Quran ini merujuk kepada kisah Kaum Bani Israel di Dawar berhampiran Kota Wasit yang berjumlah ribuan orang. Golongan ini berusaha meninggalkan kawasan yang dilanda wabak penyakit berjangkit kerana takutkan kematian, namun akhirnya Allah mematikan mereka sebelum dihidupkan kembali sebagai tanda kekuasaan-Nya.⁶

Sementara itu, sebahagian besar perbincangan perihal berkenaan wabak penyakit berjangkit lebih banyak diutarakan dalam hadis. Koleksi hadis yang berkaitan dengan wabak penyakit berjangkit inilah yang dijadikan rujukan oleh penulis-penulis Islam kemudiannya sebagai rujukan. Terdapat dua istilah penting dalam meneliti hal berkenaan penyakit berjangkit dalam hadis iaitu "ta'un" dan "waba'":

Ta'un:

"One should understand the intended meaning of two important terminologies i.e. ta'un and waba' in the text of hadith to benefit more from the hadith in this matter. Al-Nawawī in his commentary of the hadith related to plague, described ta'un as gangrenous pustules with darkening (necrosis) and painful swelling in the axillae which is suggestive of bubonic plague. Al-Nawawi description on ta'un seemed to be in agreement with the meaning of ta'un in another hadith which was compared to the ghuddah of a camel i.e a deadly disease characterized by swollen lymph glands."⁷

Waba':

"Waba' refers to a general epidemic of certain diseases and according Al-Nawawi, involves a state of illness affecting much of the population of one specific region as opposed to other regions."⁸

Dalam pada itu, dalam satu catatan hadis dikatakan al-Nawawi telah berkongsi deskripsi *ta'un* dengan Ibn Sina sebagai wabak bubonik. Berkesinambungan daripada itu, keterangan tentang gejala dan keterukan wabak bubonik dalam sumber-sumber Arab adalah berasaskan hadis al-Nawawi. Hal ini kemudiannya diperkuatkan melalui pengenalpastian wabak '*Black Death*' yang secara meluas dikaitkan dengan bakteria *Yersinia pestis* oleh komuniti akademik antarabangsa.⁹ Selain itu, yang paling utama dan mudah untuk difahami ialah satu hadis tuntas yang meletakkan asas penting tentang bagaimana umat Islam harus menangani wabak penyakit berjangkit, iaitu dengan menjauhi kawasan penularan jangkitan sebagaimana dinyatakan dalam hadis: "*If you hear of an outbreak of plague in a land, do not enter it; but if the plague breaks out in a place while you are in it, do not leave that place.*" Sahih Bukhari.¹⁰

Latar Belakang Penyakit Berjangkit dalam Kalangan Masyarakat Melayu Tradisional

Perbincangan berkenaan dengan penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat tradisional banyak tertumpu kepada masyarakat peribumi khususnya dalam aspek kaedah pengendalian penyakit. Kebanyakan daripada kajian ini adalah berlandaskan disiplin etnoperubatan dan fokus penyelidikan banyak tertumpu kepada aspek etiologi, yang berkisar dari sudut pandangan masyarakat peribumi semata-mata. Fenomena pengabaian penyelidikan kajian etnoperubatan dalam melihat aspek tingkah laku mahupun reaksi masyarakat berlaku di peringkat global dan juga Malaysia. Kelompongan tersebut membuka satu ruang baharu kepada penghasilan penulisan makalah ini. Walau bagaimanapun tidak dinafikan, tinjauan terhadap karya-karya terdahulu telah banyak membantu membentuk naratif dan pemahaman pengkaji terhadap perkembangan penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional.

Penulisan utama yang dirujuk berkenaan dengan aspek preventif dalam amalan pencegahan penyakit Melayu tradisional ialah karya Anthony Clarke Colson.¹¹ Colson menyetengahkan konsep penjagaan kesihatan dan membahagikan tingkah laku pencegahan penyakit dalam kalangan masyarakat kepada beberapa tahap. Tahap pertama dikendalikan oleh pengamal perubatan tradisional, terdiri daripada pawang, bomoh, dukun dan bidan. Tahap ini merupakan peringkat merawat pesakit agar kembali pulih seperti sedia kala. Rawatan kepada penyakit tahap pertama ini sama ada melibatkan perawatan spiritual, fizikal mahupun penggunaan sumber alam seperti akar kayu dan seumpama dengannya. Tahap kedua pula melibatkan anggota keluarga, di mana pada kebiasaannya upacara seperti kenduri dan korban diadakan sebagai simbol menghalang kejadian buruk. Tahap terakhir, iaitu melibatkan individu itu sendiri. Pencegahan penyakit yang dilakukan lazimnya adalah untuk memastikan penyakitnya tidak melarat.

Selain itu, dalam menelusuri aspek preventif pencegahan penyakit berjangkit masyarakat Melayu tradisional pastinya penulisan berkenaan kuarantin dirujuk. "Sistem Kuarantin dan Pelaksanaannya di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad ke-19" mengutarakan dengan jelas bahawa kaedah kuarantin sebagai bentuk pencegahan kepada penularan wabak penyakit berjangkit telah dipraktikkan sebelum kedatangan pihak penjajah lagi.¹² Namun demikian, selari dengan peredaran zaman, berlaku perkembangan dalam proses pelaksanaan kuarantin termasuklah penguatkuasaan undang-undang. Pelaksanaan kuarantin secara konvensional yang diamalkan oleh masyarakat tradisional turut sama menjadi tumpuan dalam penulisan Aiza lantas membuktikan keupayaan masyarakat Melayu memahami 'sifat' penyakit berjangkit.

Tuntasnya, sepertimana negara lain yang berada di bawah penguasaan British, sebilangan besar kajian masa lalu ditulis oleh penjawat awam British termasuklah kebanyakan daripada penulisan tentang keadaan sosial masyarakat dan penyakit berjangkit bagi kes makalah ini. Meskipun sebahagian besar penulisan sewajarnya dikritik kerana banyak yang berpaksikan tema ‘*noble savage*’¹³ tetapi sebahagian besarnya juga telah banyak memberi maklumat dan keadaan sebenar pada zaman tersebut. Dalam pada itu, beberapa kajian awal tentang perubatan dan penyakit terlalu banyak dikaitkan dengan konteks ilmu ghaib dan alam sehingga tidak menampakkan logik di sebalik tindak balas masyarakat sebagai reaksi terhadap penyakit yang melanda. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada penulisan yang bersifat sofistikated, antaranya R. J. Wilkinson dalam *Papers on Malay Subjects* dan I. H. Burkill. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada penulisan yang bersifat sofistikated. Sebagai contoh, R. J. Wilkinson dalam *Papers on Malay Subjects* menekankan bahawa sistem perubatan Melayu mempunyai ciri-ciri setempat yang tersendiri, termasuk penggunaan bomoh dan pawang sebagai pakar rujuk masyarakat.¹⁴ Sementara itu, I. H. Burkill melalui kajian botani dan perubatan tradisional telah mendokumentasikan penggunaan tumbuhan ubatan dalam rawatan penyakit berjangkit.¹⁵ Kedua-dua penulis ini bukan sahaja mengenal pasti kepelbagaian sub-sistem perubatan Melayu, tetapi juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai pengetahuan praktikal yang berasaskan alam sekitar dan tradisi tempatan.

Tradisi Kepercayaan Masyarakat Melayu Terhadap Penyakit Berjangkit dan Peranan Pengamal Perubatan Tradisional

Umum mengetahui bahawa kepercayaan animisme sering kali dikaitkan dengan masyarakat tradisional; masyarakat Melayu juga tidak terkecuali. Bagi maksud tersebut, kepercayaan perubatan masyarakat Melayu pada era tradisional didasari oleh kepercayaan yang mereka anuti. Masyarakat Melayu percaya bahawa setiap penyakit itu mempunyai kaitan rapat dengan semangat jahat serta yakin bahawa ada asbab dan penawar bagi setiap kesakitan. Penyakit juga dianggap sebagai satu bentuk hukuman atau ujian daripada tuhan. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah bilamana penyakit dikaitkan dengan kuasa ghaib, jembalang, kuasa alam dan lain-lain entiti mistik. Antaranya, masyarakat Melayu percaya bahawa (1) demam campak berpunca daripada hantu ketumbuhan; (2) penyakit sawan, demam berlarutan, koma dan meracau mempunyai kaitan dengan hantu pemburu; (3) sementara sakit perut pula dikaitkan dengan hantu kembung.¹⁶ Berkesinambungan daripada itu, lahir satu pola pemikiran masyarakat Melayu akan wujudnya interaksi antara manusia dengan alam. Hubungan ini harus dipelihara agar tidak mendatangkan kecelakaan dan malapetaka. Selain bencana alam, penularan wabak penyakit berjangkit juga tergolong dalam kategori malapetaka akibat ‘amukan alam’. Masyarakat Melayu tradisional mengklasifikasikan penyakit berjangkit sebagai ‘bala seroka’ iaitu bala yang menimpa individu.¹⁷ Oleh hal itu, bagi meredakan wabak penyakit berjangkit, penyakit taun misalnya, pelbagai bentuk pemujaan dan persembahan diatur oleh penduduk setempat. Berkesinambungan daripada itu, muncul upacara pemujaan contohnya pemujaan pantai yang banyak dipraktikkan khususnya masyarakat di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.¹⁸

Upacara seperti ‘menjamu’ makan, korban, sembah-menyembah, menyeru roh dan semangat adalah satu bentuk simbol perdamaian antara manusia dengan kuasa ghaib dengan harapan supaya tiada lagi kemudaratan yang akan menimpa penduduk setempat. Selain faktor pegangan kepercayaan yang diwarisi sejak turun temurun, upacara seperti ini juga didorong

oleh perasaan takut kepada kuasa ghaib dalam kalangan masyarakat. Malah, terdapat situasi di mana kesan daripada perasaan takut, masyarakat bertindak meninggalkan kawasan yang

didiami dan berpindah ke kawasan baharu sekiranya berlaku sebarang malapetaka, sebagaimana disebut Lim Kean Ghee dalam penulisannya "... because of their great fear of the spirit world; sickness, death and even bad dreams can often trigger a village to move".¹⁹ Antara contoh semangat penyakit yang berlegar dalam komuniti masyarakat Melayu dahulu kala adalah seperti semangat 'Muara Sungai', 'Riam Tinggi', 'Jalan Hutan' dan 'Pokok Hutan'.²⁰ Selain itu, terdapat beberapa peristiwa yang mengukuhkan lagi kenyataan bahawa masyarakat Melayu percaya bahawa hantu sebagai pembawa penyakit berjangkit. Sebagai contoh, Encik Harun, seorang bomoh keluarga diraja Kelantan, telah menceritakan kepada John D. Gimlette tentang pengalaman seorang jemaah haji yang dalam perjalanan pulang dari tanah suci Makkah melalui Pulau Kiran. Menurut beliau, pulau tersebut dipenuhi dengan hantu. Ketika berhenti singgah di Pulau Kiran, beliau ditakdirkan bertemu dengan pemilik pulau iaitu Raja Sinar Pati. Raja Sinar Pati merupakan 'semangat jahat' kolera dan hantu-hantu yang banyak itu merupakan hamba kepada Raja Sinar Pati. Apabila Raja Sinar Pati ini memerlukan korban, maka hantu-hantu berkenaan diarahkan untuk 'memakan' manusia.²¹

Secara umumnya, kepercayaan berkaitan penyakit berjangkit dengan kuasa ghaib adalah satu kebiasaan dalam kalangan masyarakat Nusantara. Buktinya, masyarakat di Bali mempercayai bahawa penyakit cacar dibawa oleh Dewa Majapahit dan sesiapa yang meninggal dunia akibat diserang penyakit cacar dianggap sebagai rahmat. Penyakit cacar menurut mereka adalah 'hadiah' daripada tuhan sehinggakan ada upacara mengusung anak-anak yang diserang penyakit cacar. Akibatnya, proses pembasmian cacar sangat sulit dilakukan di Indonesia. Hal ini demikian kerana anak-anak yang dijangkiti penyakit cacar dibawa menziarahi rumah-rumah saudara dengan harapan dapat membawa tuah. Sementara itu, di Sarawak masyarakat Kadazan percaya bahawa penyakit cacar berlaku disebabkan adanya perjanjian antara semangat Bisagit dengan Kinharingan kerana perebutan dua kuasa tersebut untuk memiliki bumi. Justeru terdapat dua kaedah digunakan untuk merawat cacar iaitu mengadakan majlis untuk menghalau semangat Bisagit dan menggunakan antidot sebagai penawar.²²

Namun demikian, kedatangan Islam ke Tanah Melayu menyebabkan doktrin perubatan Melayu tradisional mengalami sedikit perubahan ekoran perkembangan ajaran Islam sehingga terhasilnya sebuah manuskrip untuk dijadikan panduan dalam memahami perubatan tradisional Melayu. Manuskrip tersebut dikenali sebagai korpus *Tib Melayu*.²³ Meskipun demikian, perkembangan ajaran Islam tidak menghentikan amalan perubatan Melayu sedia ada, malah masih banyak yang terus kekal sehingga ke hari ini. Sebagai contoh, berlaku asimilasi dalam upacara puja pantai, di mana seekor kerbau putih yang disembelih sebagai simbol korban dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama dijamukan kepada lebai dan orang ramai dengan niat kenduri kerana Allah SWT. Bahagian kedua pula dihanyutkan ke laut untuk dijamukan kepada hantu laut.²⁴ Jampi dan mantera untuk tujuan perubatan menyembuhkan penyakit juga digabungkan antara kepercayaan awal masyarakat Melayu dengan ajaran Islam.

Selain itu, aspek pengamal perubatan tradisional Melayu pula dipelopori oleh pawang, bomoh serta dukun. Kemasyhuran pengamal perubatan tradisional Melayu pada suatu ketika dahulu terbukti apabila mereka dianggap sebagai '*Malay Surgeon*' zaman itu. Malah dari sudut pandang masyarakat Melayu, mereka adalah golongan yang sangat dihormati dan dipandang

tinggi oleh masyarakat pelbagai peringkat sebagaimana yang dinyatakan dalam penulisan Wan Faizah Wan Yusoff bahawa:

“Sebelum zaman penjajahan British, pengamal perubatan tradisional Melayu diberikan penghormatan yang tinggi dalam masyarakat

sebagaimana yang tercatat dalam Undang-undang 99 Perak. Kedudukan mereka turut tidak berubah sewaktu zaman penjajahan British bila mana status mereka disamakan dengan Sultan ataupun Raja”.²⁵

Selain daripada peranannya sebagai pengamal perubatan tradisional, mereka turut menjadi pakar rujuk masyarakat dalam hal-hal seperti (1) ilmu sihir; (2) upacara pemujaan syaitan; (3) upacara memujuk roh jahat; dan (4) menetapkan pantang larang berkaitan.

Beberapa sarjana awal memberikan takrifan tentang bomoh dan peranan bomoh dalam perawatan tradisional. Sebagai contohnya, Walter William Skeat mentakrifkan bomoh sebagai individu yang mempraktikkan kepakaran mereka untuk menyembuhkan penyakit. John D. Gimlette mengaitkan bomoh sebagai individu yang merawat penyakit menggunakan kuasa magis. Sementara R.J Wilkinson memberi gambaran yang lebih meluas terhadap tanggungjawab seorang bomoh, menurutnya:

“...the sorcerer or pawang was a man of good repute, a paid servant of the government, whose business was to heal the sick, direct the planters, watch over the mines and give expert advice to fisherman. He was in short, the most important person in his village.”²⁶

Pandangan ini disokong oleh takrifan yang dikemukakan oleh Mohd Taib Osman, bahawa seorang bomoh ialah ahli dalam bidang perubatan kepada masyarakat dan kebudayaan Melayu tradisional. Bomoh itu dianggap sebagai raja di rumah orang sakit, di sawah bendang dan juga di lombong.²⁷ Akhir sekali ialah pandangan Nik Abdul Rahman Hj Nik Dir (Bomoh di Raja Kelantan) tentang bomoh, menurutnya, “Tuhan telah merancang supaya manusia hidup sehat walafiat. Tujuan seorang bomoh ialah untuk membantu menjelmakan rancangan ini.”²⁸ Kaedah perawatan tradisional yang digunakan golongan bomoh seperti penggunaan jampi, mantera, beralin dan bagis dikatakan berupaya menyembuhkan seribu satu penyakit.²⁹ Dengan itu, jelas terbukti bahawa tahap kebergantungan masyarakat Melayu tradisional terhadap bomoh, dukun atau pawang dalam merawat penyakit sangatlah tinggi.³⁰ Kepercayaan primitif masyarakat terhadap pengamal perubatan tradisional tidak hanya berlaku di Tanah Melayu tetapi juga di negara lain, contohnya di West Indies dan Kenya yang turut mempercayai dukun atau ahli ilmu hitam.³¹

Penjelasan yang diutarakan membuktikan bahawa masyarakat Melayu bukan sahaja mempunyai kesedaran dan idea tentang penyakit berjangkit, malah turut mempunyai pengamal perubatan mereka sendiri dalam mempraktikkan amalan perubatan. Dalam pada itu, sekiranya diteliti konsep etiologi keuzuran yang diketengahkan oleh Abdul Halin Hamid dalam tesis PhD ‘Culture and Health Innovation: A Study of Persistence in the Use of ‘Bidan Kampung’ in Rural Malaysia’, beliau berpendapat masyarakat Melayu sudahpun percaya adanya kuman sebagai pembawa penyakit berjangkit.³² Masyarakat Melayu percaya bahawa ‘binatang halus’

yang merujuk kepada mikroorganisma patogen ini dapat ditemui pada tempat-tempat kotor seperti kawasan berlumpur. Ekoran itu, kanak-kanak ketika itu lebih mudah dijangkiti penyakit berjangkit kerana sering bermain dengan air kotor.³³ Selain itu, masyarakat Melayu menyedari

bahawa faktor perubahan cuaca turut memberi kesan kepada taraf kesihatan. Misalnya, penyakit taun dan hawar dikaitkan dengan musim banjir, musim kemarau dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Sementara itu, pemahaman asas tentang konsep perubatan dalam kalangan perawat tradisional masyarakat Melayu juga tidak jauh berbeza dengan perubatan moden. Sebagaimana dinyatakan oleh Skeat dalam *The Malay Magic*, kaedah perawatan tradisional terbahagi kepada dua kategori; yang pertama ialah '*ceremonial inspection*' dan kedua ialah '*therapeutical rites*'. Melalui kaedah '*ceremonial inspection*', usaha pengenalpastian penyakit dilakukan menerusi ramalan dan petanda. Kaedah kedua dilakukan melalui beberapa upacara iaitu sama ada berdamai atau menghalau roh jahat dan memulihkan semangat pesakit. Setelah diteliti, konsep perubatan tradisional masyarakat Melayu mempunyai kesamaan dengan perubatan moden, iaitu mendiagnosis dan merawat penyakit pada pesakit.

Kesedaran dan Reaksi Awal Masyarakat Melayu Terhadap Penyakit Berjangkit

Kesedaran masyarakat Melayu berkenaan keupayaan penyakit berjangkit dapat dikesan sejak dari awal, bukti jelas adalah melalui kaedah isolasi dan kuarantin yang diterjemahkan melalui beberapa peristiwa. Salah satunya diceritakan oleh Braddell, salah seorang pegawai British. Menurut Braddell, semasa keberadaannya di Segamat pada tahun 1850, terdapat satu kawasan yang dipenuhi dengan batang pucuk kelapa yang digantung dengan tali sebagai tanda larangan. Papan tanda larangan tersebut melarang sesiapa sahaja mendekati kawasan dan pembesar tempatan mengenakan denda sebanyak \$5 sekiranya ada yang melanggar peraturan tersebut kerana khuatir serangan wabak penyakit berjangkit merebak ke kawasan lain.³⁴ Selain itu, pada tahun 1850, ketika Logan salah seorang pegawai British melawat Kedah, Logan sendiri menyaksikan seorang pembesar bersama pengikutnya bergerak meninggalkan kawasan kampung dan menuju ke hulu sungai bagi tujuan melarikan diri dari kawasan penularan wabak. Malah, dikatakan Tok Gajah sendiri pernah diserang penyakit cacar sehingga terpaksa meninggalkan pasukannya pada suatu ketika akibat khuatir beliau akan menyebarkan virus tersebut di Pahang.³⁵ Contoh lain antaranya ialah di Kelantan, pada sekitar tahun 1904 dan 1905, bomoh melarang mana-mana individu daripada mendekati kawasan kediaman atau bergaul bersama dengan pesakit cacar. Dari sudut bahasa eufemistik, iaitu penggunaan istilah halus atau kiasan, penyakit cacar digelar sebagai 'penyakit orang baik'.³⁶ Selain mengenakan denda, kawasan larangan itu turut digantung pelepah bersama daun kelapa sebagai tanda sekatan.³⁷ Bukti lain yang memaparkan kewujudan idea isolasi dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional dapat dilihat melalui peristiwa seorang jemaah haji dijangkiti penyakit cacar di Taiping. Bagi mengelakkan merebaknya jangkitan wabak penyakit berjangkit, pesakit itu diasingkan daripada penduduk kampung. Namun demikian, kelalaian penghulu dalam melaporkan kes penyakit berjangkit telah menjejaskan usaha pengawalan.³⁸ Akibat kelewatan itu, sebahagian penduduk kampung bertindak meninggalkan kawasan jangkitan dan berpotensi menyebarkan wabak ke kawasan lain.

Selain idea tentang isolasi, masyarakat Melayu telah mempunyai kaedah sendiri untuk kuarantin. Misalnya, ketika penularan wabak kolera di Kelantan, masyarakat Melayu menggerakkan kaedah ‘pupoh kampung’ dan ‘pupoh rumah’.³⁹ Kaedah kuarantin ini dilihat tidak jauh berbeza dengan sistem kuarantin moden. Sebagai contoh, tempoh masa kuarantin yang dipraktikkan terhadap individu yang memasuki kawasan jangkitan atau individu yang melarikan diri daripada kawasan tersebut mengambil masa selama 30 hari.

Bagi memastikan pergerakan keluar masuk adalah terkawal, pada bahagian pintu-pintu masuk utama kampung-kampung terlibat dipasang tali pupoh yang digantung bersama dedaun.⁴⁰ Laluan kedua-dua belah kampung pula disekat dengan batang buluh dan dibelah dua pada bahagian atas. Batang-batang buluh yang menjadi benteng laluan itu diikat bersama dengan sirih dan cerut.⁴¹ Kemudian, pada bahagian atas batang buluh yang dilengkungkan itu diisi dengan kelapa muda.


Penggunaan batang buluh dan kelapa muda amat lazim dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai medium perawatan tradisional. Masyarakat Melayu turut menggunakan batang buluh (sakok atau sangkak) sebagai upacara korban kepada roh penyakit. Di Kelantan, batang buluh tersebut diletakkan berhampiran kediaman pesakit, sementara pada bahagian hujung sakok dibelah untuk meletakkan kelapa muda sebagai simbolik rawatan. Tanggungjawab mengasingkan pesakit tidak hanya terletak pada pihak berkuasa seperti penghulu, tetapi turut dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat.

Kesedaran masyarakat Melayu terhadap penyakit berjangkit bukan sekadar mengelakkan diri daripada dijangkiti namun mempunyai inisiatif sendiri merawat penyakit berjangkit khususnya dalam kalangan bomoh. Jampi serapah dan mantera digunakan sebagai medium merawat penyakit berjangkit. Jampi dibacakan oleh bomoh kemudian ditiupkan pada minuman sebelum diberikan kepada pesakit. Antara contoh jampi adalah sebagaimana berikut:

Jampi Penyakit Cacar

“Hai orang baik aku tahu asal-mu,
Kejadian-mu dudok dalam neraka jehenam tiada bersifat;
Maka kamu keluar dalam neraka jehenam, kamu singgah ka-pada
Anak Adam, baharu-lah kamu bersifat;
Aku tahu asal-mu tujuh beradek,
Kamu jadi dari-pada dadeh yang hitam, keluar dari-pada roma
yang hitam, kamu keluar dari-pada kulit yang hitam,
Kamu keluar dari-pada daging yang hitam, kamu keluar dari-pada
urat yang hitam, kamu keluar dari-pada lendir yang hitam, kamu
keluar dari-pada tulang yang hitam.
Bukan aku yang empunya tawar, Dewa Bentara Narada yang
empunya tawar;
Bukan aku yang empunya tawar; Dewa Sang Samba yang
empunya tawar;
Bukan aku yang empunya tawar, hampas neraka jehenam yang
empunya tawar; aku tahu sekalian yang bisa,
Aku padam sakalian yang nyala,
Jikalau bisa minta tawar, jikalau nyala minta padam,
Sidi guru sidi-lah aku ka-pada guru-ku, tamat.”⁴²

Rajah 1: Lakaran Gambar Tangkal Azimat Masyarakat Melayu Tradisional⁴³



Sumber: Health & Sanitary Condition of Kelantan, 26 Februari 1914, CO 273/409/53 (473).

Perincian tentang idea isolasi, kaedah kuarantin dan kaedah rawatan tradisional dalam mendepani penyakit berjangkit sebagaimana diutarakan dalam perbincangan, menjelaskan bahawa wujudnya tradisi perubatan masyarakat Melayu meskipun sebelum kedatangan pihak penjajah lantas mengukuhkan lagi pandangan tentang kepercayaan masyarakat Melayu terhadap keupayaan penyakit berjangkit menjangkiti individu lain.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu tradisional dalam menghadapi penyakit berjangkit, jelas menunjukkan bahawa idea tentang keupayaan penyakit berjangkit menular telah lama berakar umbi dalam kalangan masyarakat. Sorotan terhadap sejarah penularan wabak penyakit berjangkit di Tanah Melayu dan pemahaman masyarakat tentang penyakit sejak dari zaman awal bukan sahaja dapat memperlihatkan hegemoni penjajah Barat terhadap perkhidmatan perubatan di tanah jajahan tetapi juga berhasil mengetengahkan inisiatif yang digerakkan oleh masyarakat Melayu tradisional menghalang penyakit berjangkit. Meskipun kaedah pengendalian penyakit berjangkit yang digerakkan oleh masyarakat tempatan adalah berbentuk konservatif namun tujuan dan pemahamannya sama iaitu mengekang penularan jangkitan. Kepercayaan tradisi yang menebal dalam kalangan masyarakat tempatan sedia ada tidak menghalang masyarakat daripada mempunyai kaedah pengendalian penyakit berjangkit tempatan misalnya kaedah isolasi, penggunaan jampi serapah untuk mengubati penyakit dan kaedah pengesanan penyakit melalui ramalan. Tuntasnya, masyarakat Melayu tradisional telah mempunyai metod tersendiri dalam menghalang penularan wabak penyakit berjangkit sebelum kedatangan Barat.

Penghargaan

Penghargaan yang mendalam diberikan kepada sidang editor *Sejarah: Journal of the Department of History* atas bantuan serta kerja sama sepanjang proses penerbitan makalah ini. Penulis juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas kesempatan yang telah diberikan untuk menerbitkan karya ini.

Biodata

*Wan Nur Izzati binti Wan Bahari (wannurizzati@um.edu.my) (*corresponding author*) merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Profesor Madya Dr. Abu Hanifah bin Haris (abuhanifah@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nota

¹ World Health Organization, *Infectious Diseases*, <https://www.emro.who.int/health-topics/infectious-diseases/> (diakses pada 1 November 2024).

² “*With these elements are connected four essences; the soul or spirit with air; love with fire; concupiscence with earth; and wisdom with water.*” T. J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca, via Pinang, Malacca and Singapore; with A History of The Malayan States on The Peninsula of Malacca*, Volumes II, London: John Murray, 1839, hlm. 352.

³ Faizah Zakaria & Humairah Zainal, “Traditional Malay Medicine in Singapore A Gramscian Perspective”, *Indonesia and the Malay World*, Vol. 45, No. 131, 2017, hlm. 3.

⁴ Ibid.

⁵ Surah al-Baqarah, *Al-Quran dan Terjemahannya*, Khazanah Rabbani: Selangor, 2010, hlm. 39.

⁶ Setelah mereka sampai di suatu kawasan pedalaman, mereka lalu menginap di sebuah wadi yang luas sehingga memenuhi kedua perbatasan wadi tersebut. Kemudian Allah SWT mengutuskan kepada mereka dua malaikat, salah seorangnya datang daripada bawah wadi, manakala seorang lagi daripada atas. Mereka berdua seraya memekik kepada kaum itu dengan suatu pekikan secara sederap, menyebabkan mereka semua mati secara serentak. Lihat Adnan Mohamed Yusoff, “Wabak Penyakit Dalam Quran: Perspektif Al-Imam Al-Qurtubiy”, kertas kerja dibentangkan di 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 Oktober 2021, hlm. 806. Lihat juga Che Anuar Che Mohamad, Mohammad Arif Shahr, Mohd Faiz Mohd Tahir & Syed Abdul Khaliq Syed Abd Hamid, “Muslims Responses to Pandemics: Lessons from the Best Generation”, *IIUM Medical Journal Malaysia*, Vol. 19, No. 2, 2020, hlm. 22.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid., hlm. 23.

¹¹ Anthony Clarke Colson, *The Prevention of Illness in A Malay Village: An Analysis of Concepts and Behavior*, Tesis PhD., Department of Anthropology, Stanford University, 1969.

¹² Aiza Maslan @ Baharudin, “Sistem Kuarantin dan Pelaksanaannya di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad ke-19”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 19, No. 19, 2011.

¹³ *Noble Savage* di sini bermaksud “... an idealized concept of uncivilized man, who symbolizes the innate goodness of one not exposed to the corrupting influences of civilization.” Britannica, *Noble Savage*, <https://www.britannica.com/art/noble-savage> (diakses pada 20 Oktober 2023).

¹⁴ R. J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1907 – 1911.

- ¹⁵ I. H. Burkill and Mohamed Haniff, *Malay Village Medicine: Prescription Collected*, Singapore: Botanic Gardens, 1950.
- ¹⁶ Noor Azlan Mohd Noor, “Sistem Perubatan Melayu Tradisional: Satu Tinjauan Umum” dalam Azizan Baharuddin (ed.), *Perubatan dan Kesihatan di Kalangan Orang Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1993, hlm. 54.
- ¹⁷ Haji Mohtar Md. Dom, *Bomoh dan Hantu*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977, hlm. 54.
- ¹⁸ Ibid., hlm. 55.
- ¹⁹ Serangan penyakit adalah salah satu kategori malapetaka yang ditakuti orang asli. Lim Kean Ghee, *The History of Medicine and Health in Malaysia*, Petaling Jaya: Lim Kean Ghee, 2016, hlm. 5. Lihat juga Noraini Mohamed Hassan & Sivachandralingam Sundara Raja, “Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan 1896 – 1910”, *Sejarah: Journal of History Department*, Vol. 18, No. 18, 2010, hlm. 20.
- ²⁰ Richard Olof Winstedt, *The Malays: A Cultural History*, Singapore: G. Brash, 1981, hlm. 20-21.
- ²¹ ‘Memakan’ disini bermaksud membolehkan manusia dijangkiti penyakit kolera. John. D. Gimlette, *Malay Poisons and Charm Cures*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 26.
- ²² Lihat Frank Fenner, “Smallpox in Southeast Asia (1)”, *Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 3, No. 2, 1987, hlm. 37.
- ²³ Arba’iyah Mohd Noor, “Menyingkap Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Menerusi Beberapa Manuskrip Terpilih”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 24.
- ²⁴ Haji Mohtar Md. Dom, *Tahyul dan Kepercayaan*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977, hlm. 9.
- ²⁵ Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository, Wan Faizah Wan Yusoff: *Pengaruh Agama dan Adat Dalam Penerimaan Masyarakat Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Terhadap Perubatan Barat Sewaktu Zaman Penjajahan British*, <http://libmast.utm.my/Record/usm.eprints-39399> diakses pada 15 Oktober 2024.
- ²⁶ Arba’iyah Mohd Noor, “Menyingkap Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Menerusi Beberapa Manuskrip Terpilih”, hlm. 28.
- ²⁷ Noor Azlan Mohd Noor, “Sistem Perubatan Melayu Tradisional: Satu Tinjauan Umum”, hlm. 69 & 70. Lihat juga Walter William Skeat, *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*, New York: Dover Publications Inc, 1900, hlm. 56 dan John D. Gimlette, *Malay Poisons and Charm Cures*, hlm. 19. Lihat juga Faizah Zakaria & Humairah Zainal, “Traditional Malay Medicine in Singapore A Gramscian Perspective”, hlm. 3. “*The pawang – also known as bomoh and dukun – is a ‘medicine-man’ who was involved in not only curing illness but in conducting agricultural and divination rituals. There were also female dukun providing specialised services for women, for example, female circumcision, but they were often paid less and were not prominent in leading rituals. A more crucial figure for women is the traditional midwife (bidan or dukun bayi) who facilitated births and provided natal care. Besides these central agents, women in each household often brewed their own herbal remedies known as jamu and sold or shared them with neighbours.*” Selain daripada itu, pengkaji juga menemui bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan pawang iaitu sekitar 3.60 dolar. Lihat *Megaliths in Malacca*, 1936, CO 273/629/13.
- ²⁸ Azizan Baharuddin, “Unsur Rasional dan Spiritual di Dalam Perubatan Melayu” dalam Azizan Baharuddin, *Perubatan dan Kesihatan di Kalangan Orang Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1993, hlm. 112. Lihat juga Roland Werner, *Bomoh/Dukun: The Practices and Philosophies of the Traditional Malay Healer*, Berne: University of Berne, 1986, hlm. 5.
- ²⁹ Beralin adalah penawar yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit-penyakit ringan seperti demam, dalam pada itu bagi penyakit berat bomoh berubat menggunakan jin atau dipanggil sebagai bagis. Ibid., hlm. 36.
- ³⁰ Dalam sesetengah keadaan pawang juga merujuk kepada individu yang menjalankan pelbagai upacara ritual yang berasaskan kepercayaan animisme, mencerminkan peranan beliau sebagai penghubung antara alam fizikal dan alam spiritual dalam tradisi masyarakat tempatan. Lihat Correspondence Expeditions to Mount Kinabalu (*A Zoological Expedition to Mount Kinabalu, British North Borneo*), 1929, CO 874/354. Selain daripada itu, setelah kedatangan British, tiga kategori pengalaman perubatan yang tidak berdaftar ini terbahagi kepada tiga kategori utama “... three main classes of unregistered practitioners exist, the boma or pawang among the Malays, the Vaidyan practising Ayurvedic medicine among the Indians, and the Sin Seh or Chinese doctor among the Chinese.” Lihat *Malaya Medical and Health (Unregistered Practitioners)*, Mac 1943 – Nov 1944, CO 865/54 (102). Di Kelantan, gelaran ‘pawang’ jarang digunakan, sebaliknya istilah ‘bomor’ lebih lazim merujuk kepada pengamal umum dalam bidang perubatan tradisional, di samping berperanan sebagai pakar dalam ilmu sihir serta tukang cerita masyarakat Melayu. Lihat *Health & Sanitary Condition of Kelantan*, 26 Februari 1914, CO 273/409/53. Lihat juga Sankar Arikrishnan, “Sejarah Perubatan dan Kesihatan di Kedah, 1882 – 1909”, *Sejarah: Journal of History Department*, Vol. 29, No. 1, 2020, hlm. 67.
- ³¹ Kaum yang mempercayai dukun atau ahli sihir di West Indies ialah Kaum Voodoo dan Kaum Mau-mau di Kenya. Haji Mohtar Md. Dom, *Bomoh dan Hantu*, hlm. 36.
- ³² Abdul Halin Hamid, *Culture and Health Innovation: A Study of Persistence in the Use of Bidan Kampung in Rural Malaysia*, Tesis PhD., *Faculty of Graduate School* (Fakulti Pengajian Siswazah), Universiti Cornell, 1983, hlm. 69.

³³ Ibid.

³⁴ J. M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 259.

³⁵ Aiza Maslan @ Baharudin, “Sistem Kuarantin dan Pelaksanaannya di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad ke-19”, hlm. 90.

³⁶ John D. Gimlette, *Malay Poisons and Charm Cures*, hlm. 39.

³⁷ Ibid.

³⁸ Aiza Maslan @ Baharudin, “Sistem Kuarantin dan Pelaksanaannya di Tanah Melayu pada Sekitar Abad ke-19”, hlm. 90.

³⁹ Ibid. Lihat juga “Dr Gimlette and Cholera”, *Straits Echo*, 3 Oktober 1911 dan “Cholera in Kelantan”, *Straits Echo*, 29 Jun 1914.

⁴⁰ Notes on Cholera-By Dr. Gimlette, 25 Ogos 1911, CO 273/376/35 (4). Lihat juga Epidemiological Intelligence Bureau of the League of Nations: correspondence; Report of the International Pacific Health Conference, 15-22 December 1926, CO 273/535/9.

⁴¹ John D. Gimlette, *Malay Poisons and Charm Cures*, hlm. 40.

⁴² John D. Gimlette, *Malay Poisons and Charm Cures*, hlm. 270.

⁴³ Tangkal azimat berkenaan merupakan milik seorang wanita tua, dan tangkal tersebut telah diwarisi dalam keluarganya selama beberapa generasi yang pada awalnya dibeli daripada seorang pedagang Arab dengan harga lima puluh dolar.

Rujukan

“Cholera in Kelantan”, *Straits Echo*, 29 Jun 1914.

“Dr Gimlette and Cholera”, *Straits Echo*, 3 Oktober 1911.

Abdul Halin Hamid, *Culture and Health Innovation: A Study of Persistence in the Use of Bidan Kampung in Rural Malaysia*, Tesis PhD., Faculty of Graduate School (Fakulti Pengajian Siswazah), Universiti Cornell, 1983.

Adnan Mohamed Yusoff, “Wabak Penyakit Dalam Quran: Perspektif Al-Imam Al-Qurtubiy”, kertas kerja dibentangkan di 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 Oktober 2021.

Aiza Maslan @ Baharudin, “Sistem Kuarantin dan Pelaksanaannya di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad ke-19”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 19, No. 19, 2011.

Arba’iyah Mohd Noor, “Menyingkap Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Menerusi Beberapa Manuskrip Terpilih”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014.

Colson, A.C., *The Prevention of Illness in A Malay Village: An Analysis of Concepts and Behavior*, Tesis PhD., Department of Anthropology, Stanford University, 1969.

Azizan Baharuddin, *Perubatan dan Kesihatan di Kalangan Orang Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1993.

Britannica, *Noble Savage*, <https://www.britannica.com/art/noble-savage> (diakses pada 20 Oktober 2023).

Burkill, I.H., & Mohamed Haniff, *Malay Village Medicine: Prescription Collected*, Singapore: Botanic Gardens, 1950.

Che Anuar Che Mohamad, Mohammad Arif Shahar, Mohd Faiz Mohd Tahir & Syed Abdul Khaliq Syed Abd Hamid, “Muslims Responses to Pandemics: Lessons from the Best Generation”, *IJUM Medical Journal Malaysia*, Vol. 19, No. 2, 2020.

CO 273/376/35 (4), Notes on Cholera-By Dr. Gimlette, 25 Ogos 1911.

CO 273/409/53, Health & Sanitary Condition of Kelantan, 26 Februari 1914.

CO 273/535/9, Epidemiological Intelligence Bureau of the League of Nations: correspondence; Report of the International Pacific Health Conference, 15 – 22 December 1926.

CO 273/629/13, Megaliths in Malacca, 1936.

CO 865/54 (102), Malaya Medical and Health (*Unregistered Practitioners*), Mac 1943 – Nov 1944.

CO 874/354, Correspondence Expeditions to Mount Kinabalu (*A Zoological Expedition to Mount Kinabalu, British North Borneo*), 1929.

Faizah Zakaria & Humairah Zainal, “Traditional Malay Medicine in Singapore A Gramscian Perspective”, *Indonesia and the Malay World*, 2017.

Fenner, F., “Smallpox in Southeast Asia (1)”, *Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 3, No. 2, 1987.

Gimlette, J.D., *Malay Poisons and Charm Cures*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.

Gullick, J.M., *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*, Singapore: Oxford University Press, 1987.

Haji Mohtar Md. Dom, *Bomoh dan Hantu*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977.

Haji Mohtar Md. Dom, *Tahyul dan Kepercayaan*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977.

Lim Kean Ghee, *The History of Medicine and Health in Malaysia*, Petaling Jaya: Lkg, 2016.

Newbold, T.J., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca, vie Pinang, Malacca and Singapore; with A History of The Malayan States on The Peninsula of Malacca Volumes II*, London: John Murray, 1839.

Noraini Mohamed Hassan & Sivachandralingam Sundara Raja, “Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan 1896 – 1910”, *Sejarah: Journal of History Department*, Vol. 18, No. 18, 2010.

Sankar Arikrishnan, “Sejarah Perubatan dan Kesihatan di Kedah, 1882 – 1909”, *Sejarah: Journal of History Department*, Vol. 29, No. 1, 2020.

Skeat, W.W., *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*, New York: Dover Publications Inc, 1900.

Surah al-Baqarah, *Al-Quran dan Terjemahannya*, Khazanah Rabbani: Selangor, 2010.

Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository, Wan Faizah Wan Yusoff: *Pengaruh Agama dan Adat Dalam Penerimaan Masyarakat Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Terhadap Perubatan Barat Sewaktu Zaman Penjajahan British*, <http://libmast.utm.my/Record/usm.eprints-39399> diakses pada 15 Oktober 2024.

Werner, R., *Bomoh/Dukun: The Practices and Philosophies of the Traditional Malay Healer*, Berne: University of Berne, 1986.

Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1907-1911.

Winstedt, R.O., *The Malays: A Cultural History*, Singapore: G. Brash, 1981.